

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 28 RABU 12HB. JULAI 1972 1392 رابو 30 جمادي الاول PERCHUMA



D.Y.M.M. sedang turun dari kapal terbang Baginda.

D. Y. M. M. SELAMAT BERANGKAT PULANG KA-TANAH AYER DARI LONDON

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah selamat berangkat pulang ka-tanah ayer dari London pada hari Ahad lepas.

Duli Yang Maha Mulia di-iringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu.

Juga dalam rombongan Diraja itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Seri Utama Awang Idris Talog Davies, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Seri Paduka Dr. P.I. Franks dan Yang Di-Mulia-kan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir.

Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah di-alu2kan oleh Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang J.E.T. Thorne, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2, Ketua2 Jabatan dan pegawai2 pentadbir kerajaan.

Do'a selamat atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia itu telah di-bachakan oleh Yang Di-Mulia-kan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Sa-masa berada di-London, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kepada 10 orang dalam satu Istiadat yang di-adakan di-Grosvenor House pada 4hb. Julai yang lalu.

Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Dato Seri Laila Utama — D.K. telah di-kurniakan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kanun Diraja Dato Seri Utama Awang Idris Talog Davies dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Seri Utama Awang John Lee.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Seri Paduka Dr. P.I. Franks telah di-kurniakan **Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama** — P.S.L.J.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran (Lihat muka 8)

Langkah untuk memperkesakan peranan Lembaga Bandaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa lembaga itu sedang mengkaji semula segala undang2 dan peratoran2 yang berkaitan dengan apa jua perkhidmatan dan usaha yang di-lancharkan oleh lembaga tersebut.

Menurut beliau bahawa tujuan asas pengkajian itu ia-lah untuk memperkesakan sahara tegas lagi akan peranan2 Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada memelihara dan menimbulkan Bandar Seri Begawan sa-bagai sebuah bandar yang elok, ber-suasan harmoni, bertata-tertip dan berkebersehan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pelancaran gerakan "Anti Kamah" anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei yang di-ambil bahagian oleh kira2 500 orang yang terdiri dari ahli2 persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2,

jabatan2 Kerajaan, sharikat2 dan orang2 perseorangan pada hari Ahad, 9hb. Julai yang lalu di-kawasan Dewan Kemasyarakatan di-sini.

Selanjut-nya beliau berkata, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan tidak akan ragu2 pada mengenepikan apa jua rintangan atau memperatorkan perkara2 yang tidak mengikut peratoran demi untuk menchapai satu peringkat kesenangan bagi penduduk2 bandaran.

(Lihat muka 8)

PENGUMUMAN PENTING

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin akan menyampaikan sabda penting kepada seluruh rayat di-negeri ini melalui Radio Brunei pada malam ini 12hb. Julai, 1972.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia itu akan dapat di-dengar sa-baik2 saja lepas warta berita bahagian Melayu.

Pengiriman wang2 pos British di-gantong

DENGAN ini ada-lah di-ma'alomkan untuk pengetahuan orang ramai ia-itu mulai dari sekarang perkhidmatan bagi kiriman2 wang ka-negeri2 asing kechuali Malaysia, Singapura dan United Kingdom ada-lah di-gantongkan. Per-

khidmatan2 bagi penjualan dan pembayaran Wang2 Pos British ada-lah di-gantongkan sama sekali.

Orang ramai akan di-beritahu sa-baik2 saja perkhidmatan2 yang di-sebutkan tadi di-pulehkan seperti biasa.



PELAJARAN SOLEK UNTUK PELAJAR2 DEWASA

SEJAK kelas2 Pelajaran Dewasa Urusan Rumah Tangga, anjoran Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa telah di-tubuhkan dalam tahun 1965, sambutan dari kaum perempuan di-negeri ini, terutama sekali di-bandar2 telah bertambah dari setahun kesatahuan. Akhir2 ini pula kelas2 Pelajaran Dewasa Urusan Rumah Tangga ini bukan sahaja di-adakan di-bandar2 bahkan juga di-kampung2 pendalaman.

Sambutan yang di-berikan itu bukan-nya sahaja memberikan galakan kepada pelajar2 dewasa yang lain tetapi ia juga dapat memberikan kepercayaan kepada Jabatan Pelajaran bahawa pelajar2 dewasa wanita kita telah pun mempunyai kesedaran dan minat kepada pelajaran urusan rumah tangga. Dengan sambutan2 yang begitu baik, Jabatan Pelajaran telah pun dapat menghantar pelajar2 dewasa tempatan keluar negeri bagi menjalani kursus urusan rumah tangga dan saterus-nya kursus per-guruan.

Masa ini Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa ada mempunyai 26 orang guru urusan rumah tangga sambilan bagi mengajar di-mana2 sahaja kelas itu di-adakan. Dengan bantuan dan usaha dari guru2 sambilan ini kita telah memperolehi banyak pelajar2 dewasa yang telah mengetahui bidang seni mengurus rumah tangga.

Sa-bagai yang di-ketahui, pelajaran urusan rumah tangga itu ada-lah terlalu meluas dan banyak yang mesti di-ketahui oleh setiap suri2 rumah tangga dan kaum perempuan khas-nya. Pelajaran2 menjaga anak dan chara2 memelihara, kesihatan, pengendalian rumah ada-lah pelajaran urusan rumah tangga. Masakan, jahitan, anyaman dan gubahan pun termasuk juga seni mengurus rumah tangga.

Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa telah pun dapat mencapai kepada peringkat2 pengajaran masakan, jahitan, anyaman, dan gubahan yang mana tiap2 pelajaran itu termasuk juga chara2 peng-usahaan di-segi kebersihan, kesihatan, kesempurnaan dan ketelitian. Pelajaran telah pula meluas kepada bidang persolekan bila mana pelajar2 dewasa mula menaruh perhatian

Pelajar2 dewasa di-Sekolah Melayu M u h a m m a d Alam, Seria sedang asheh mendengar dengan teliti penerangan2 dari guru mereka, Che'gu Mahani binte Yaakub, mengenai dengan chara2 menggunakan alatan solek. Di-atas meja terletak berbagai2 jenis alatan solek yang di-gunakan termasuk juga model kepala patong bagi latihan persolekan (atas kiri).

Sa-orang pelajar dewasa sedang menerima latihan chara2 mengurut muka sa-belum di-buboh lotin manakala pelajar2 dewasa yang lain memerhatikan (atas kanan).

Pelajar2 dewasa juga di-berikan latihan untuk menyolek rakan mereka. Gambar kanan menunjukkan sa-orang pelajar sedang membubuh solekan kepada rakan-nya manakala guru-nya memberikan bantuan.



kapada seni kechanteakan.

Dengan usaha2 dan sambutan pelajar2 dewasa dari kawasan Seria, dan juga Pertubuhan Wanita Brunei, Bandar Seri Begawan, terbentok-lah lagi satu mata-pelajaran baru. Pelajaran bersolek yang di-adakan itu bukan sahaja untuk melatih pelajar2 dewasa bagi menjaga kechanteakan muka tetapi termasuk-lah juga chara2 menjaga kulit dan chara menggunakan alat solek.

Guru yang mengajar ada-lah terdiri dari mereka yang telah di-hantar keluar negeri. Guru2 ini telah di-beri pelajaran berbagai2 jurusan tentang pengendalian rumah tangga yang mana termasuk juga pelajaran bersolek.

Lumba basikal di-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Daerah Temburong akan mengadakan lumba jalan kaki jarak jauh dan lumba basikal sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan2-nya untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 di-daerah itu.

Perlumbaan2 itu, ada-lah terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Temburong, atau mereka yang telah tinggal di-daerah itu, tidak kurang dari enam bulan.

Perlumbaan2 itu akan di-

adakan pada 30hb. Julai ini.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa penganjur perlumbaan2 itu berkata, lumba jalan kaki jarak jauh akan di-bahagikan kepada tiga bahagian — bagi orang2 dewasa lelaki dan perempuan, dan bagi orang2 lelaki yang berumur di-atas 60 tahun.

Borang2 masuk boleh di-dapati dari Setia Usaha Perlumbaan, Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Momin di-Pejabat Daerah, Temburong.

Permohonan di-tutup pada 13hb. Julai.

Dua orang di-pilih untuk mewakili Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Awang Umbu bin Ahmad dan Awang Edris bin Sulaiman akan mewakili Daerah Belait dalam perlawanan Silat dan Kuntau Peringkat Negeri yang akan di-adakan di-Istana Darul Ha-

na pada 15hb. Julai. Perlawanan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 tahun.

Awang Umbu dan Awang Edris telah menjadi johan dalam bahagian masing2 dalam satu perlawanan Silat dan Kuntau yang telah di-adakan baru2 ini.

DALAM Khutbah kali ini mari-lah kita mengikuti ajaran Allah yang tersebut di-dalam ayat Al-Quran yang bermaksud: "Wahai orang2 yang beriman bertakwa-lah kamu kepada Allah dan hendak-lah kamu beserta dengan orang2 yang benar".

Ayat tersebut ada-lah memberi pengajaran kepada kita supaya kita bertakwa kepada Allah dan supaya kita berkawan, bersahabat dan berchampur gaul dengan orang2 yang benar — benar kepada tingkah laku-nya, benar pada iktikad-nya dan benar pada amal ibadat-nya. Sebab pun kita di-suruh bergaul dengan orang2 yang bersifat demikian kerana sa-seorang yang berkawan dan bergaul dengan orang2 yang baik nanti akhir-nya menjadi baik dan bagitu juga sa-balek-nya sa-orang yang berkawan dengan orang2 yang jahat nanti akhir-nya menjadi jahat.

Dengan sebab ini-lah maka kita perlu sekali mengawasi pergaulan anak2 kita ia-itu jika anak2 kita itu bergaul dengan orang2 yang baik bernakan-lah, tetapi jika anak2 kita itu berchampur gaul dengan orang2 yang jahat, hendak-lah lekas ikhtiarkan supaya ia menjauhi pergaulan tersebut kerana di-khuatiri anak2 kita itu terpengaruh menjadi jahat sa-bagaimana kawan2-nya itu.

Dalam suatu ayat Quran yang tersebut di-dalam Suratul-Akhzab, Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

Tawaran membawa jemaah2 haji bagi musim haji 1972 / 1973

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama menjemput sharikat2 penerbangan menghantar tawaran bagi membawa jema'ah haji dari Brunei ka-Jeddah dan balek dalam musim haji 1972/1973.

Tawaran itu, di-antara lain mesti-lah menyatakan tambang bagi sa-orang dewasa dan sa-orang kanak2 yang berumur di-bawah 12 tahun dan tempat2 persinggahan dalam perjalanan dari Brunei ka-Jeddah dan pulang.

Penawar2 ada-lah juga di-kehendaki memberi penerangan tentang syarat wang chagaran tambang atau mengenai tambang yang sudah pun di-bayar jika sa-satu kejadian yang tidak dapat di-elakkan berlaku yang menyebabkan penerbangan itu di-batalkan, jadual penerbangan di-ubah-kan atau pemergian jema'ah itu di-batalkan.

Mereka mesti-lah juga menyatakan syarat2 mengenai pembayaran balek wang chagaran bagi tambang atau tambang yang sudah pun di-ba-

"Bahawasa-nya kami telah menawarkan amanah atas langit dan bumi dan gunung2, maka semua-nya itu enggan menerima amanah2 itu kecuali manusia maka ia sanggup menerima amanah2 itu dan menanggung-nya, tiba2 mereka dzalim dan budoh tiada tahu menjaga amanah".

"Di-beri amanah tangan, di-gunakan mengambil harta orang dan di-beri kaki di-gunakan merayap2 ka-tempat maksiat."

Jelas-nya Allah Subhanahu-Wataala telah mempelawa tujuh petala langit untuk menanggung amanah2 Allah tetapi tujuh petala langit tidak berani menanggung amanah2 Allah itu kerana takut tiada tahan menanggung-nya, maka Allah pun mempelawa kepada bumi untuk menanggung amanah2 itu, tetapi bumi juga tidak berani menanggung-nya. Kemudian Allah pun mempelawa kepada gunung2 supaya menanggung

amanah Allah itu, maka demikian juga-lah gunung2 itu pun tiada berani menanggung-nya.

Dan akhir-nya Allah pun mempelawa kepada manusia supaya menjaga dan menanggung amanah2 Allah itu, dan di-terima-nya amanah2 itu oleh manusia tetapi di-khia-

nati-nya dan di-dzalimi-nya. Di-beri amanah telinga di-gunakan mendengar bunyi2an yang haram di-dengar-nya; di-beri amanah mulut di-gunakan mengumpat, mencha-chi dan sa-bagai-nya; di-beri amanah tangan di-gunakan merayap2 ka-tempat2 maksiat.

Bagitu-lah kesalahan2 dan khianat2 manusia terhadap amanah2 Allah yang mana yang demikian itu memerlukan kita berbanyak2 menuntut ampun dan bertaubat kepada Allah.

Daripada kedua2 ayat Quran di-atas, maka tahu-lah kita bahawa kita ada-lah di-anjorkan bergaul dengan orang2 yang baik dan jujur dan menjauhi bergaul dengan orang2 yang jahat atau orang yang melakukan pengkhianatan terhadap amanah2 Allah.

Oleh yang demikian mari-lah kita menjaga dan meng-

awasi diri kita masing2 di-samping mengawasi pergaulan anak2 kita supaya kita semua akan terselamat daripada perkara2 yang mendatangkan bencana dan dosa kepada kita.

J/k Peraduan Membacha Quran di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu meshuarat telah diadakan baru2 ini di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan untuk menubuhkan sa-buah Jawatankuasa Kerja Pertandingan Membacha Quran Seluruh Negeri bagi orang2 dewasa.

Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin telah di-pileh menjadi pengerusi jawatankuasa itu.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar telah di-pileh menjadi Timbalan Pengerusi, Awang Haji Abdullah bin Metassan sa-bagai Setiausaha dan Awg. Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah sa-bagai Penolong Setiausaha.

Pertandingan membacha Quran seluruh negeri di-jadualkan akan diadakan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin pada hujung bulan September.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12hb. Julai, 1972 hingga ka-hari Selasa 18hb. Julai, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
12 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
13 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
14 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
15 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
16 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	
17 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	
18 hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

12hb. Julai, 1972.

PERANAN LEMBAGA BANDARAN

PADA umum-nya bahawa Lembaga Bandaran adalah untuk melaksanakan tugas2 yang tidak hanya bagi memikirkan dan mengusahakan pengelakan dan pembersihan bandar, tetapi juga menyempurnakan perkara2 yang terkandung dalam tugas2-nya menurut Undang2 dan Peratoran2 yang telah di-tentukan.

Bila melaksanakan tugas yang di-kehendaki oleh undang2 dan peratoran2 yang juga di-kehendaki oleh negara yang di-tadbirkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, maka pelaksanaan itu adalah bertolak dari tugas yang patut di-kerjakan yang kadang-kala tidak dapat di-elakkan jika menghubungkan satu2 pehak.

Kita tertarik atas kenyataan Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz yang sa-chara terus terang memberi amaran kepada orang2 yang di-katakan beliau sa-bagai menegakkan benang basah dan mengachu-achu untuk melemahkan semangat dan amalan yang bertugas atas undang2 dan peratoran2. Dan, beliau mengingatkan mereka itu supaya bertaubat dan menegaskan-nya bahawa akibat ma'asiat di-segi undang2 dan peratoran2 itu ada-lah seksa pada yang meng-amalkan-nya.

Dengan kenyataan beliau itu tahu-lah kita bahawa maseh ada orang di-zaman kemajuan sains dan teknologi ini yang mempunyai pandangan2 yang sempit sa-hingga mereka berani mengachu-achu yang mungkin merupakan satu ancaman atau pun gertakan bagi orang yang berpegang tegoh pada melaksanakan kehendak undang2 dan peratoran2 yang di-tentukan oleh negara dan diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Dari kenyataan beliau itu juga, kita dapat tahu bagaimana sikap beliau pada menghadapi orang2 yang demikian dan ada-lah ternyata yang beliau itu bersikap genggam bara biar sampai jadi arang pada menegakkan undang2 dan peratoran2 itu. Ini-lah satu sikap yang memang di-hargai oleh negara dan bangsa yang benar2 berhasrat untuk membangun dengan jaya-nya.

Kita juga mendapat tahu bahawa Lembaga Bandaran sedang mengkaji undang2 dan peratoran2 yang ada sekarang untuk memperkemas usaha2-nya yang akan datang. Langkah ini juga ada-lah wajar memandang kepada perkembangan2 yang semakin timbul dan betapa perlu-nya menyambangi perkembangan2 itu melalui undang2 dan peratoran.

Sikap tegas pada menegakkan undang2 dan peratoran2 itu ada-lah memberi satu petunjuk betapa perlu-nya memberikan penghormatan yang wajar terhadap undang2 dan peratoran2 demi untuk melindungi pergerakan sa-saorang dan menyempurnakan pentadbiran negara.



Tidak kira pangkat dan darjat, namun tugas terhadap negara berjalan terus sa-kali pun turut sama memegang penyapu. Perchakapan hanya akan mendatangkan kesan jika di-bantu dengan perbuatan. Gambar atas menunjukkan dari kanan ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain (Yang Di-Pertua MBB); Pesuruhjaya Kebajikan, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Dato Paduka Awang Salleh; Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Y.B. Awang Haji Abdul Aziz; dan Setia Usaha Lembaga Bandaran, Pengiran Sepiuddin turut sama bekerja dalam gerakan "anti-kamah" beliau2.



Tidak hanya "anti-kamah" itu di-sertai oleh persatuan2 belia, tetapi juga oleh sekolah2 seperti gambar atas yang menunjukkan peserta2 dari sekolah2 misi di-Bandar Seri Begawan. Tetapi pada umum-nya bahawa mereka ini juga ada-lah beliau2 yang merasa bertanggung-jawab terhadap kebersihan bandar.



Ahli2 Pertiwi dan WI atau yang biasa di-sebut sa-bagai kaum wanita yang tidak ketinggalan dalam gerakan2 kebajikan di-negeri ini, sama2 memperlihatkan semangat tanggung-jawab mereka, sama2 memegang penyapu membersekan bandar, suatu tanda yang menunjukkan bahawa tugas terhadap negara bukan di-monopoli oleh kaum lelaki.

GERAKAN ANTI KAMAH BERJAYA

GERAKAN anti kamah yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 dan telah berlangsung pada hari Ahad, 9hb. Julai yang lalu, pada umum-nya telah mendapat kejayaan yang bermaana.

Dalam kira2 500 orang yang mengambil bahagian dalam gerakan ini telah menunjukkan bahawa ia-nya tidak semata2 terdiri dari beliau2 sahaja tetapi juga di-ambil bahagian oleh orang2 tua. Kumpulan yang besar itu juga tidak hanya terdiri dari beliau2 Melayu, bahkan juga dari berbilang bangsa seperti orang2 China, India dan Eropah. Kumpulan itu tidak hanya di-kalangan kaum lelaki, bahkan juga wanita.

Terdapat juga suatu keadaan yang tidak mengira pangkat dan darjat, tetapi berdiri tegak di-satu chita2 mengelok dan membersekan bandar dengan memegang penyapu, pongkis, sekup, bakul dan lain2-nya. Tidak ada mandor, bahkan sama2 menjadi kuli seali pun kebanyakan di-antara mereka yang biasa dengan hawa dingin, kerusi lembut dan berbagai kemewahan. Mereka belamenyusur dari tepi2 kawasan yang kamah demi kang2 kedai dan lain2 pada hari itu yang di-durong untuk menurut tugas pada hari yang di-durong oleh semangat dan perasaan chintakan keelokan dan kebersihan negeri sa-bagai puncha kesihatan raayat dan kechanteakan negeri.

Ini merupakan satu chabaran kepada orang ramai, khas-nya di-kalangan yang tidak begitu menghiraukan soal2 kebersihan dan keelokan negeri. Di-harapkan akan timbul satu perubahan sikap yang lebih mengutamakan kebersihan itu yang bertolak dari 9hb. Julai hingga kepada masa2 yang akan datang.

Gerakan anti kamah itu di-pasokan, jayakan bersama oleh persatuan2 32 di-antara-nya ia-lah sama buah belia dan kebajikan, sama mahsharikat2 yang menyedekahkan dan minuman, 2 buah sekodan yang lah dan 4 Jabatan Kemudahan, memberikan serba orang2. Begitu juga terdapat sikap me-perseorangan yang mangani. Samreka itu telah di-alu-alukan. Samreka itu telah di-alu-alukan. Samreka itu telah di-alu-alukan.

Dalam gerakan anti-kamah itu, pengakap2 juga mengambil peranan yang sama, mengumpul dan membuang sampah di-kawasan lagoon Mesjid Saifuddin dan kawasan Kampong Sultan Lama.



Pengakap dan ahli2 persatuan belia dan kebajikan sama2 bekerja. Kelihatan mereka sedang memuat sampah2 yang di-kutip ka-dalam lori2 untuk di-buang di-Batu 3, Jalan Tutong. Beberapa buah lori JKR dan Bandaran serta pasokan Bomba turut menyertai gerakan anti-kamah beliau2 itu.



Di-Jalan Berakas, dari Istana Tetamu gerakan anti-kamah beliau2 itu kelihatan menyapu jaraya dan mengutip sampah sarap. Mereka mendapati tin2 dan botol2 minuman di-buang di-tepi2 jalan raya itu. Nasihat2 telah pun di-berikan supaya orang ramai dan pemandu2 kereta2 serta penumpang2 jangan membuang tin2, botol2 dan sampah2 di-pemando2 tepi jaraya, kerana perbuatan itu bukan hanya tidak senonoh, tetapi juga membahayakan dan mengotorkan negeri.



Dengan di-dahului oleh Yang Di-Pertua MBB, Pesuruhjaya Kebajikan dan Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, maka "anti-kamah" di-kawasan bandar menyusur membersekan yang kamah termasuk menyapu tepi2 longkang dan jeraya.

Hajjah Zahrah, salah sa-orang pemimpin PERTIWI bersama2 dengan ahli2-nya dan juga ahli2 dari WI turut bekerja membersekan kotoran2 di-tepi padang besar termasuk membersekan longkang di-sekitar kawasan itu.



Pasokan anti-kamah yang di-khaskan memberse di-kawasan Jalan Residency tidak hanya memberse tepi2 jeraya, tetapi juga merubah papan2 tanda dan "lambir2an" rumah yang di-anggap "mengamahkan" pandangan serta longkang2 kayu. Dua buah gambar ini melitahkan pasokan "anti-kamah" di-kawasan itu sedang membakar kayu2 dan memberse jaraya. (Gambar atas dan kiri).



24 peserta akan mengambil bahagian dalam perlumbaan Go-Kart Antara Bangsa yang ke-5

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 24 peserta termasuk sembilan dari Hong Kong dan Singapura akan mengambil bahagian dalam perlumbaan Go-Kart Antara Bangsa Brunei yang ke-lima yang akan diadakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Ahad 16hb. Julai, 1972.

Perlumbaan yang di-anjarkan oleh Kelab Motor Diraja itu adalah salah satu acara perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Yang Di-Pertua Kelab tersebut, Awang Chris Lammers yang juga menjadi Setia Usaha Perlumbaan berkata, beberapa orang peserta dari Malaysia Barat juga telah menyata-

kan kesanggupan mereka untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Sa-banyak lima acara perlumbaan akan di-pertandingan.

Achra pertama dan kedua ialah perlumbaan ujian sa-banyak 15 pusingan bagi kereta2 go-kart yang bertenaga 100 c.c. dan kereta2 go-kart yang bertenaga tidak melebihi 200 c.c.

Achra ketiga ialah perlumbaan Grand Prix Brunei yang akan di-jalankan sa-banyak 30 pusingan.

Achra ke-empat ialah perlumbaan Berpasokan Antara Bangsa yang akan di-jalankan sa-banyak 30 pusingan dan achra ke-lima ialah perlumbaan 20 pusingan bagi merebut Piala Pusa.



Kelab Automobile anjarkan lumba motosikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Automobile Brunei akan menganjurkan beberapa acara perlumbaan kereta dan motosikal di-daerah2 Brunei, Kuala Belait dan Tutong sempena menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 dalam bulan Julai ini.

Setia Usaha Agong Kelab itu, Awang Samsuddin Idris menyatakan bahawa perlumbaan2 itu adalah terbuka kepada orang ramai yang berminat dan ingin menchuba kebolehan masing2 di-bidang perlumbaan kereta dan motosikal.

Beliau juga menyatakan bahawa ia-lah perlumbaan yang di-adakan sa-chara besar2an dan merupakan projek yang terbesar yang di-ke-lolakan oleh kelab tersebut.

Mengenai tarikh2 perlumbaan itu, Awang Samsuddin belum dapat memberikan penetapan-nya, tetapi tarikh2 itu akan di-umumkan kelak sa-baik2 saja di-dapati kawasan2 perlumbaan yang sesuai.

Walau machamana pun, menurut beliau, kelab automobile berharap supaya perlumbaan2 itu akan dapat di-laksanakan juga sebelum akhir bulan Julai atau awal bulan Ogos.

Perlumbaan2 itu nanti akan terbahagi kepada lima bahagian perlumbaan kereta, sementara perlumbaan motosikal merentas kesukaran (scramble) terbahagi kepada tiga bahagian.

Lima bahagian bagi perlumbaan kereta itu ia-lah bagi kereta2 yang mempunyai kekuatan 1000 cc ka-bawah; 1001 hingga 2000 cc; 2001 cc ka-atas; kereta saloon biasa; dan kereta saloon GT.

Tiga bahagian bagi perlumbaan merentas kesukaran (scramble) ialah perlumbaan sa-chara berkumpulan; perlumbaan kelajuan masa bagi pelumba2 perseorangan; dan perlumbaan kiran pusingan dalam masa 30 minit.

Untuk mendapatkan keterangan yang lanjut, maka orang2 yang berminat dan ingin menchuba kebolehan dalam perlumbaan2 itu bolehlah berhubung dengan beliau di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, bahagian pencegah Malaria di-Jalan Berakas atau kepada pegawai2 kelab tersebut.

Peraduan2 kenaikan berhias dan lumba perahu di-Sg. Tutong

TUTONG. — Peraduan Perarakan di-ayer akan di-adakan di-Sungai Tutong sa-bagai sa-bahagian dari perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 di-daerah itu.

Peraduan itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan dan kampung2 di-daerah itu.

Kenderaan untuk masuk bertanding itu, boleh merupakan perahu2, bot2, rakit2 dan lain2 kenderaan ayer, yang biasa-nya di-gunakan untuk pengangkutan ayer.

Borang2 masuk bertanding boleh di-dapati dari Pengerusi Peraduan, Awang Morshidi bin Mohammad di-Kampung Panchor Papan, Tutong, dan Timbalan Setia Usaha Pertandingan, Awang Hassan bin Haji Abu Hanifah di-Pejabat Bandaran, Tutong.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13hb. Julai.

Sementara itu lumba perahu dan moto sangkut yang terbuka kepada penduduk2 Daerah Tutong juga merupakan acara sambutan puja usia Baginda di-daerah itu. Di-samping itu tiga acara perlumbaan moto sangkut ada-lah terbuka kepada semua penduduk negeri ini.

Terdapat empat belas achra — lapan bagi berkayoh, enam bagi moto sangkut dan dua achra menggunakan rakit.

Achra2 lumba perahu ia-lah bagi dua, tiga, empat, lima, lapan dan 10 orang dan lumba moto sangkut bagi 20, 33, dan 40 kuda.

Borang2 untuk menyertai perlumbaan itu boleh di-dapati dari Awang Othman bin Uking dan Awang Suhaimi bin Abu Bakar, kedua2-nya di-Pejabat Pertanian, Tutong dan Awang Mohamed Zun bin Mohamed Tajin di-Pejabat Talikom, Tutong.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan kepada Timbalan Setia Usaha Jawatankuasa Penganjur, Awang Mohamed Zun di-Pejabat Talikom, Tutong tidak lewat dari 18hb. Julai.

Perlawanan pingpong anjoran IKERAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ikatan Persatuan Belia Bunu — IKERAB akan menganjurkan perlawanan pingpong dalam bulan hadapan.

Perlawanan yang ke-2 di-anjurkan oleh persatuan itu ada-lah sa-bahagian dari acara perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2 menengah dan kelab2 yang berdaftar di-seluruh negeri.

Bayaran masuk bertanding akan di-kenakan sa-banyak \$10.00 bagi tiap2 satu pasokan.

Tiap2 persatuan belia, dan kebajikan, sekolah2 menengah dan kelab2 boleh menghantar dua buah pasokan un-

DAYANG Halinda Kaur (di-tengah2) telah di-mahkotakan sa-bagai 'Miss Brunei 1972'.

Dayang Halinda telah mengalahkan 20 orang peserta yang lain dalam pertandingan merebut gelaran itu yang telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Seri Begawan pada malam Sabtu lepas.

Dayang Halinda binte Karim memenangi tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Rosita Rahman.

Di-samping menerima oskar dan lain2 hadiah, Dayang Halinda juga menerima tiket kapal terbang perchuma pergi ka-Hong Kong dan balek yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura.

Pertandingan Miss Brunei adalah kemuncak majlis tari menari yang di-anjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei sa-bagai salah satu acara perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

'Miss Brunei' telah di-mahkotakan oleh Pengiran Siti Mawardi binte Pengiran Anak Ahmad, isteri Pegawai Daerah Brunei-Muara.

tok menyertai perlawanan tersebut.

Borang2 masuk bertanding boleh di-dapati dari Awang Haji Seruji bin Muhammad, Jabatan Kerja Raya, Awang Muhammad bin Hidup di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, dan Awang Adnan bin Md. Salleh di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

Borang2 hendak-lah di-kembalikan kepada mereka tidak lewat dari 3hb. Ogos, 1972.

Kerja2 menyembor ubat D.D.T.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pekerja2 luar Projek Penghapusan Malaria akan menjalankan penyemboran ubat DDT di-lima buah kampung di-Daerah Brunei-Muara dan sebuah kampung di-Daerah Belait mulai hari ini.

Pasokan itu mula2 akan melawat empat buah kampung di-Daerah Brunei-Muara.

Mereka akan pergi ka-Kampung Peninjau dari 12hb. hingga 18hb. Julai, Batu Ampar pada 19hb. Julai, Wasan pada 20hb. Julai dan Batang Perhentian pada 22hb. Julai.

Pasokan penyembor itu akan melawat Lumut di-Daerah Belait dari 25hb. hingga 27hb. Julai.

Ada-lah di-anggarkan sebanyak 516 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor 265 buah rumah, pondok2 dan lain2 benaan di-kampung2 itu.

Penghulu2 dan ketua2 kampung yang berkenaan ada-lah di-minta supaya membantu pasokan penyembor itu apabila rombongan itu melawat kampung2 mereka.

9 orang di-pilih ka-perlawanan tinju antara wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sembilan orang ahli tinju telah di-pilih untuk mewakili Brunei dalam perlawanan Kejohanan Tinju Antara Wilayah — Sabah, Sarawak dan Brunei yang akan di-adakan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan pada 28hb. dan 29hb. Julai ini.

Tujuh orang ahli tinju telah di-pilih dalam perlawanan tinju yang telah di-adakan di-Pusat Belia baru2 ini.

Keputusan2 dalam perlawanan pemilihan itu ada-lah seperti berikut:

Flyweight: Lance Koprul Haji Raub telah mengalahkan Awangku Sulaiman Pengiran Marali.



BEBERAPA orang pemimpin2 pengakap telah menamatkan kursus latihan bomba di-Pusat Latihan Bomba Muara dalam bulan Jun yang lalu. Kursus tersebut telah berlangsung sa-lama sembilan minggu.

Gambar atas pemimpin2 pengakap bergambar dengan dua orang pegawai bomba di-Pusat Latihan Bomba Muara.

Di-denda \$300.00 kerana menipu

PEKAN TUTONG. — Mahkamah Tutong pada minggu lalu telah mendenda Mohamed Salleh bin Abdul Ghani sa-banyak \$300.00, sa-telah ia mengaku salah atas tuduhan menipu.

Mohamed Salleh, sa-orang peon di-Pejabat Daerah Tu-

tong, telah membuat kesalahan itu dalam bulan Mach yang lalu, sa-telah ia berjanji untuk mendapatkan Pasport dan Kad Pengenalan Brunei, kepada tiga orang Iban, yang berkerja di-Kilang Papan Hup Chong Tutong.

Mohamed Salleh juga telah menerima wang sa-banyak \$196.50 dari tiga orang Iban itu.

Di-Mahkamah Seria, Foo Guan Tong telah di-denda sa-banyak \$260.00 atau dua bulan penjara kerana memandu melebehi had laju.

Foo Guan Tong yang mengaku salah atas tuduh itu telah melakukan lima belas kesalahan di-masa lampau.

Lesen memandu-nya juga di-chatet.

Mahkamah juga mendenda sa-orang lagi pemandu kereta, Lim Sem Fei \$50.00 atau lima hari penjara kerana kesalahan yang sama.

Dalam satu kes lain, mahkamah mendenda Tubi anak Leba \$10.00 atau sa-hari penjara sa-lepas ia mengaku salah atas tuduhan berkelakuan tidak senunoh di-Gelanggang Sokan Seria pada 1hb. Julai lepas.

JAWATAN KOSONG.

Sa-bagai Penghantar Saman

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Penghantar Saman di-Pejabat Kadzi Daerah Belait, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 hingga 30 tahun.
- (b) mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu.

Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Daerah Belait.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300 x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya tidak lewat daripada 24hb. Julai, 1972.

Pemberitahuan

Tawaran


PEMBORANG2 ada-lah di-pe-lawa untuk menghantar tawaran mereka bagi membekalkan "Alat2 Makmal Sains" jenis Integrated Sains untuk Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah/RIAD., Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

2. Penerangan lanjut dan borang mengenai alat2 tersebut yang di-perlukan, boleh di-dapati daripada Pengetua, Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah/RIAD., di-Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa waktu sekolah tersebut di-buka.

3. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat pada 15hb. Ogos, 1972 jam 12.00 tengah hari.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran lebehi murah atau sa-umpama-nya. (HAJI ABDULLAH METASSAN) b.p Pengetua Uegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Peluang melihat keindahan Brunei dari udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai akan berpeluang melihat keindahan Brunei dari udara apabila Kelab Penerbangan Diraja Brunei menyediakan tiga buah kapal terbang kecil untuk tujuan tersebut.

Penerbangan untuk orang ramai itu akan diadakan pada hari Ahad, 16hb. Julai ini mulai pukul 8.00 pagi dengan bayaran hanya sa-banyak \$7.00 bagi tiap2 sa-orang.

Sa-orang juruchakap Kelab Penerbangan itu menyatakan hari ini bahawa ranchangan itu ada-lah satu projek khas dari kelab tersebut untuk sama2 merayakan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada tahun ini.

Beliau menyatakan bahawa tiap2 sa-buah kapal terbang hanya boleh memuat tiga orang penumpang dan penerbangan2 itu nanti akan diadakan sa-chara berulang2.

Orang ramai yang ingin melihat keindahan Brunei dari udara melalui ranchangan penerbangan kelab itu, bolehlah datang ka-Lapangan Terbang Berakas pada hari dan waktu yang di-tetapkan itu.



Y.B. Awang Haji Abd. Aziz.

Pengurniaan Bintang2 Kebesaran

(Dari Muka 1)

Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail di-kurniakan **Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Kedua — D.S.N.B.**

Awang Tom Harrison di-kurniakan **Darjah Paduka**

Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — **D.S.L.J.**

Darjah Laila Jasa Keberanian Gemilang Yang Amat Chermelang Darjah Ketiga — **D.K.G.** telah di-kurniakan kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Dato Paduka Col. B.F.L. Rooney.

Datin Y.B. Dato Seri Laila Utama Awang John Lee dan Datin Y.B. Dato Seri Laila Jasa Dr. P.I. Franks masing2 telah di-kurniakan **Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.**

Penasehat Umum Kebawah DYMM Al-Sultan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa dan Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja Pg. Anak Chuchu masing2 telah di-kurniakan **Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.**

Pameran lukisan akan di-rasmikan esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat, Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar akan merasmikan pembukaan Pameran Lukisan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan esok, 13hb. Julai jam 9.30 pagi.

Lebih dari 400 orang pelukis2 tempatan yang terdiri dari penuntut2 sekolah menengah, maktab2 dan orang2 dewasa akan mempamerkan lukisan2 mereka.

Sa-orang juruchakap Jawatankuasa Pameran itu meminta kepada semua peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam peraduan itu supaya

Pejabat Penchen pindah

ADA-LAH di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa Ibu Pejabat Penchen2 Negara Brunei telah berpindah ka-bangunan bekas Jabatan Sukatan dan Timbangan di-Bandar Seri Begawan baru2 ini.

paya hadir di-upacara pembukaan rasmi itu.

Pameran itu di-adakan sa-bahagian dari acara perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Pameran Lukisan itu akan terbuka kepada orang ramai dari hingga 22hb. Julai jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

34 pasokan akan mengambil bahagian dalam perlawanan sepak takraw

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 34 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia, pejabat2 kerajaan, sekolah2 dan maktab2 di-Daerah Brunei/Muara akan mengambil bahagian dalam perlawanan sepak takraw pada pertengahan bulan Julai ini di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Pasokan yang memenangi tempat pertama dalam perlawanan itu akan menerima wang tunai sa-banyak \$75.00, kedua \$50.00 dan ketiga \$25.00 sa-lain dari hadiah2 rebutan.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kerana menyam-

but Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26.

Pameran bunga di-Belaît

KUALA BELAIT. — Pameran bunga2 hidup dan angerek, akan di-adakan di-Kuala Belait mulai 13hb. Julai

Pameran tersebut di-kelolakan oleh jawatankuasa perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi Daerah Belait.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian di-minta berhubung dengan Pengerusi Pameran, Awang Leong Ching Thau, Peti Surat 324 Kuala Belait.

DI-SERU BERTAUBAT

(Dari muka 1)

"Kapada mereka yang masih bertegang pada menegakkan benang basah, mengachau2 untuk melemahkan semangat dan amalan yang bertugas atas Undang2 dan Peratoran, yang lurus serta di-luruskan, saya ingin mengingatkan supaya chepat bertaubat", demikian beliau memberi amaran.

Beliau memberi jaminan bahawa sa-barang urusan dengan Lembaga Bandaran yang di-jalankan sa-chara berundang2 dan berperatoran akan tetap beres menurut syarat2 dan undang2 serta peratoran itu.

Mengalut2kan gerakan anti kamah anjoran MBB itu, Awang Haji Abdul Aziz percaya bahawa usaha yang berkebakikan itu tidak hanya mendapat sambutan hangat dari seluruh lapisan masyarakat serta dari Lembaga Bandaran, bahkan juga akan mendapat keberkatan bagi mereka yang menunaikan-nya sa-chara tulus dan ikhlas.

Menurut Awang Haji Abdul Aziz, menurut konsep perkembangan yang moden dan dinamik, suatu projek kemajuan dan usaha pada memajukan sa-sabua masyarakat tidak akan sempurna dan berfaedah serta memberikan kesan yang pupus jika tidak dengan penyertaan raayat.

Beliau yakin bahawa sa-satu usaha untuk masyarakat itu hanya akan mendapat ke-sempurnaan yang pupus jika masyarakat itu sendiri sa-chara langsung ikut champor tangan atau turut-turutan.

Beliau mensifatkan usaha belia2 melalui MBB itu merupakan satu usaha kemajuan yang bertujuan untuk memberse dan membisaikan lagi Bandar Seri Begawan.

Dengan penyertaan belia2 besar itu ada-lah menandakan bahawa usaha Kerajaan D.Y.M.M. melalui Lembaga Bandaran akan mendapat kejayaan yang berkesan dan berfaedah kepada masyarakat keseluruhan-nya.

Beliau berharap bahawa penyertaan raayat itu tidak hanya terhad di-kalangan belia2 saja, bahkan di-larutkan ka-seluruh peringkat masyarakat yang terdiri dari berbagai2 bangsa, ugama dan kepercayaan.

Turut berucap dalam perhimpunan itu ia-lah Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Dato Paduka Awang Md. Salleh yang memuji sikap belia2 itu disamping mengharapakan menjadi chermis kepada masyarakat dalam soal penjagaan kebersihan itu.

Memberi ucapan juga ia-lah Yang Di-Pertua MBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin

(Gambar2 dan berita lanjut mengenai gerakan anti kamah itu di-siarkan di-muka tengah).